

Belum masanya perkenal cukai baharu

SHAH ALAM - Penganalisis ekonomi berpandangan kerajaan tidak akan memperkenalkan cukai baharu mahupun menaikkan kadar GST sedia ada.

Ahli Jawatankuasa Kluster Ekonomi & Pengurusan Majlis Profesor Negara, Datuk Dr Mohamed Mustafa Mohd Hanefah berkata, ketika negara menghampiri PRU14, ia tidak akan berlaku.

"Kadar GST tidak akan dinaikkan. Kerajaan beri jaminan, malah banyak item dikategorikan sebagai sifar cukai.

"Bukan dengan cara itu untuk kerajaan meningkatkan hasil," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Umum Pakatan Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mendakwa kerajaan akan umumkan pelaksanaan cukai

baharu atau peningkatan kadar GST sekiranya BN menang PRU14.

Mohamed Mustafa berkata, untuk mempertingkatkan hasil negara, tindakan boleh dilakukan adalah meningkatkan audit GST oleh Jabatan Kastam.

"Dengan peningkatan audit, jangkaan diterima meningkat tahun depan melebihi tahun ini RM42 bilion," katanya.

Selain itu katanya, hasil kerajaan juga bertambah melalui harga minyak dan kelapa sawit yang stabil.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan Putra, Universiti Putra Malaysia, Dr Ahmed Razman Latiff menyatakan pandangan sama, bahawa tiada cukai baharu atau menaikkan kadar GST dalam masa terdekat.